

Headline	TH keluar zakat RM1.7 juta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	25	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,792
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,376



TH keluar zakat RM1.7 juta

Kuala Terengganu: Lembaga Tabung Haji (TH) mengeluarkan zakat berjumlah RM1.7 juta untuk diaghikhan kepada 3,424 asnaf miskin dan fakir seluruh negara, melalui Projek Ehsan pada tahun ini.

Ahli Lembaga Pengaruhnya, Chazali Awang (**gambar**), berkata sumbangan itu sebagai perbelanjaan Ramadan dan persediaan menyambut Aidilfitri.

Katanya, setiap asnaf termasuk ibu tunggal, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) menerima bantuan sebanyak RM500 bagi meringankan beban kewangan mereka.

Program tanggungjawab sosial

“Jelajah Projek Ehsan adalah antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TH bagi meringankan beban masyarakat terutama golongan miskin.

“Pada masa sama, ia juga platform untuk merapat serta mengeratkan lagi perhubungan antara TH dengan rakyat bagi membantu memahami masalah dihadapi komuniti setempat.

“Diharapkan program CSR yang dijalankan akan memberi manfaat dan kesejahteraan komuniti Islam di negara ini,” katanya selepas Majlis Penyerahan Zakat Program Ehsan TH 2014 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri, di sini, semalam.

